

Universiti Sains Malaysia, 13 Disember 2025 - Program Reunion Jom Pi USM anjuran Alumni USM Batch 1984-1986 telah berlangsung dengan meriah di Dewan Pelenggam Cahaya, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM).

Program ini dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Alumni (PPA) USM, Persatuan Alumni USM (PAUSM) serta Perkumpulan Anak-anak Melaka (PURNAMA), bertujuan mengeratkan silaturahim dan mengukuhkan jalinan hubungan antara alumni dengan pihak universiti. Reunion tersebut menghimpunkan seramai lebih daripada 70 orang alumni daripada pelbagai latar belakang profesional, sekali gus menjadi platform perkongsian pengalaman, kenangan serta pandangan dalam memperkukuh peranan alumni terhadap pembangunan universiti dan masyarakat.

Dalam ucapannya, TYT Tun turut menyatakan harapan agar lebih banyak program dan acara seumpama ini dapat dianjurkan pada masa hadapan bagi menggalakkan para alumni kembali ke kampus untuk berbakti serta menyumbang kepada universiti mengikut kepakaran dan keupayaan masing-masing.

Usai majlis, TYT Tun turut berkesempatan mengadakan lawatan mengelilingi kampus serta merakam kenangan dengan bergambar di bangunan kediaman dan kantin yang pernah menjadi sebahagian daripada kehidupan baginda semasa menuntut di Universiti Sains Malaysia.

ALUMNI NEWS VOL 12
BILANGAN 12 / DISEMBER 2025



**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA DR. HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

Alumni Universiti Sains Malaysia Tahun 1984
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan



Reunion
JOM PI USM
BATCH TAHUN 1984 – 1986



Penasihat: Ahmad Wafi Sahedan
Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Harnani Dzulkafli

Universiti Sains Malaysia, 20 Disember 2025 – Program Bengkel Latihan Tutor Profesional RizqBoost 2.0 anjuran Smart Rizq Education Center dengan kerjasama Pusat Pembangunan Alumni, Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 150 orang tutor dari pelbagai latar belakang pendidikan.

Program yang berlangsung sepanjang hari tersebut bertujuan untuk menggilap minat, memperkukuh jati diri serta mengasah kemahiran profesional para tutor agar mampu menyampaikan pengajaran yang lebih berkualiti, berkesan dan berimpak tinggi selari dengan keperluan semasa dunia pendidikan.

Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan dengan pelbagai modul latihan merangkumi teknik pedagogi moden, strategi komunikasi berkesan, pembangunan sahsiah tutor serta pendekatan pengajaran berfokuskan pelajar.

Menurut penganjur, pelaksanaan RizqBoost 2.0 ini diharap dapat melahirkan barisan tutor yang lebih profesional, beretika dan berdaya saing, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan dan pembelajaran pelajar secara holistik.

Kerjasama strategik bersama Pusat Pembangunan Alumni USM juga dilihat sebagai satu usaha berterusan dalam memperkasa pembangunan modal insan, khususnya dalam bidang pendidikan, selaras dengan aspirasi melahirkan pendidik yang berilmu, berkemahiran dan berintegriti.

Program ini turut mendapat maklum balas positif daripada para peserta yang menyifatkan bengkel tersebut sebagai platform penting dalam meningkatkan kompetensi diri serta membuka ruang jaringan profesional dalam kalangan tutor.



Bengkel

LATIHAN TUTOR

PROFESIONAL RIZQBOOST 2.0



Penasihat: Ahmad Wafi Sahedan
Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Harnani Dzulkafli